

TARIKH	10 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	b7	RUANGAN	Ekonomi

## TH ceburi bidang perhotelan

» Kukuh kedudukan dalam pembangunan hartanah

Oleh Azman Mahmood  
azmanm@bharian.com.my

Kuala Terengganu

Penyertaan Lembaga Tabung Haji (TH) dalam industri perhotelan dijangka mengukuhkan lagi kedudukannya dalam pelaburan pembangunan hartanah.

It dibuat menerusi pembinaan hotel pertamanya di Terengganu yang dijangka siap tahun depan.

Hotel Tabung Haji (TH) berharga lebih RM50 juta itu dibina di lokasi strategik iaitu hanya kira-kira 900 meter dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) dan berdekatan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Kompleks Sukan Gong Badak.

Hotel setinggi tujuh tingkat itu juga disifatkan sebagai menyokong LTSM sebagai hab penerbangan haji kawasan Pantai Timur.

Bantu pembangunan industri pelancongan Pengarah TH Terengganu, Mohammad Mokhzani Mokhtar, berkata hotel TH yang mula dibina pada ak-

hir 2010 menawarkan kemudahan 182 bilik pelbagai kategori pada harga setanding dengan hotel lain yang setaraf dengannya.

Katanya, pembinaan hotel itu juga diharap dapat memberi sumbangan kepada pembangunan industri pelancongan di negeri ini.

"Hotel TH yang dibina bertaraf tiga bintang dan sudah 60 peratus siap antara lain mempunyai kemudahan sebuah dewan utama yang mampu memuatkan kira-kira 1,000 orang seperti untuk majlis makan selain beberapa dewan untuk seminar dan mesyuarat yang mampu memuatkan 400 hingga 600 peserta pada satu-satu masa.

"Lebih menarik hotel ini juga mempunyai kolam renang yang bersinaran untuk lelaki, wanita dan kanak-kanak," katanya pada majlis Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri Gong Badak yang dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said, petang kelmarin.

Seramai 1,800 bakal jemaah haji dari seluruh Terengganu berhimpun di Stadium Tertutup Kom-

### INFO

#### Hotel Tabung Haji

- ◎ Hotel TH berharga lebih RM50 juta dan dibina di lokasi strategik iaitu hanya kira-kira 900 meter dari LTSM.
- ◎ Hotel TH bertaraf tiga bintang dan sudah 60 peratus siap antara lain mempunyai kemudahan sebuah dewan utama yang mampu memuatkan kira-kira 1,000 orang,

pleks Sukan Gong Badak, bagi mengikuti kursus selama dua hari untuk mendalamka kaedah rukun haji yang betul seperti tawaf, sa'ie, melontar jamrah dan amalan berkaitan haji.

Mengenai penerbangan haji, Mohammad Mokhzani, dijangka enam penerbangan akan berlangsung yang bakal membawa kira-kira 2,700 bakal haji Pantai Timur dengan 1,700 adalah dari negeri ini menerusi penerbangan terus dari LTSM ke Jeddah dan Madinah menggunakan pesawat Penerbangan Malaysia (MAS).


"Penerbangan pertama ke Tanah Suci dijangka bermula 28 September dan terakhir 11 Oktober manakala penerbangan balik pula dijangka bermula 11 November dan penerbangan akhir 24 November," katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata, pada masa akan datang semua bakal haji yang akan mengikuti kursus Haji Perdana atau yang akan berlepas ke Tanah Suci boleh menggunaan kemudahan di Hotel TH.

# BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	10 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	b7	RUANGAN	Ekonomi



Bangunan hotel TH sedang **dalam pembinaan bagi kemudahan penginapan bakal haji** terletak di Gong Badak, Kuala Terengganu.

[FOTO YUSMAIZI KARIM/BH]